

Dr. Mahathir mahu lebih banyak buku biografi tokoh UMNO diterbitkan

UM 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR 18 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu lebih banyak buku biografi tokoh UMNO diterbitkan untuk rujukan generasi akan datang.

Beliau berkata, ini kerana buku sedemikian kurang di pasaran sedangkan ia penting sebagai satu rakan sejarah bertulis.

"Sebelum jadi tua, eloklah kita tulis pengalaman yang mungkin tidak dibaca oleh sesiapa tetapi akan ada orang mencarinya untuk menyingkap sejarah lalu.

"Dengan itu, kita boleh belajar daripada sejarah asal-usul UMNO kerana usaha seperti ini tidak banyak dilakukan," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika melancarkan buku *Biografi Tun Sulaiman Ninam Shah Pengerusi Tetap UMNO* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Buku itu ditulis oleh Wan Mohd. Mahyiddin dengan dibantu oleh seorang lagi

penulis, Harun Johari, seorang bekas tentera.

Dr. Mahathir menjelaskan, buku biografi bukan catatan peribadi semata-mata, malah merakam sejarah perjuangan politik seseorang tokoh.

Beliau berkata, dengan berbuat demikian, masyarakat sesuatu bangsa itu dapat mengekalkan sejarah perjuangan tokoh sampai bila-bila.

Menghargai

Perdana Menteri memberi contoh mengenai minat bapa saudaranya mencatatkan sesuatu setiap masa, tetapi keluarga tidak menghargainya dan catatan itu hilang.

"Ini suatu yang malang. Bila ini terjadi, ia hilang begitu sahaja tetapi saya bernasib baik kerana ada pembantu untuk simpan barang dan bahan berharga bagi tatapan generasi akan datang," ujarnya.

Buku *Biografi Tun Sulaiman Ninam Shah Pengerusi Tetap UMNO* diterbitkan

oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan Utusan.

Sebanyak 3,000 naskhah dicetak bagi edisi pertama dan dijual pada harga RM230.

Buku tersebut turut dibagikan kepada setiap ahli Majlis Tertinggi, semua 165 bahagian UMNO, Jawatankuasa Pergerakan Pemuda, Wanita dan Pute-ri UMNO.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Naib Naib Presiden UMNO iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Kamarul Ariffin juga hadir.